



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 11/05

PEDULI VETERAN MADANI TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN PERINGKAT NEGERI SABAH

Sabah, 12 Mei 2024 - **YB Adly Zahari**, Timbalan Menteri Pertahanan hari ini telah melaksanakan Peduli Veteran Madani (PVM) peringkat Negeri Sabah bersama Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM). Program ini merupakan salah satu fokus madani Kementerian Pertahanan dalam menjaga kebijakan Veteran ATM dalam memastikan agenda kebijakan Veteran ATM dan tanggungannya sentiasa diutamakan.

Peduli Veteran Madani yang dijalankan di sekitar Kota Kinabalu, Papar dan Tuaran merangkumi lawatan kebijakan ke 13 buah rumah Veteran yang memerlukan bantuan dan yang mengalami sakit kritis, uzur, hidup dalam keadaan daif dan yang memerlukan bantuan perumahan. Disamping bertanya khabar, turut diselitkan penyerahan bantuan peralatan pesakit seperti katil pesakit, kerusi roda, tongkat, lampin pakai buang dan susu serta sumbangan wang tunai dan kotak makanan pada veteran yang diziarahi. YB Adly turut menyampaikan sumbangan 500 Bakul Rahmah semasa sesi dialog bersama Persatuan-Persatuan Veteran ATM di Kota Kinabalu, Sabah.

YB Timbalan Menteri Pertahanan juga telah menjelaki **4 orang usahawan** Veteran ATM sebagai usaha untuk pengumpulan data usahawan Veteran ATM di seluruh negara. Jejak usahawan veteran tidak lain adalah untuk membantu mempromosikan produk dan perkhidmatan melalui platform media sosial JHEV selain memberi insentif bantuan sebagai usaha untuk memperkasakan perniagaan veteran. Pada kali ini, YB Adly telah menyampaikan sumbangan **brush cutter machine** dan **chiller fridge** kepada 2 orang usahawan sebagai insentif PVM.

YB Adly juga telah menyampaikan **Pingat Jasa Malaysia (PJM)** kepada **1 orang veteran** di Kota Kinabalu. PVM merupakan salah satu manifestasi Kementerian Pertahanan dalam menjaga dan memastikan agenda kebijakan Veteran ATM serta tanggungannya sentiasa diutamakan sejajar dengan bakti dan pengorbanan yang dicurahkan dalam memelihara

keselamatan dan kedaulatan negara. Sebanyak 13 program PVM telah dirancang untuk dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2024, termasuk wilayah Sabah dan Sarawak. Ianya bagi memastikan semua Veteran ATM di seluruh negara dapat menikmati bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh JHEV ATM.

JHEV ATM akan meneruskan 5 Skim Bantuan Kebajikan iaitu Bantuan Sara Hidup, Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana Alam melibatkan peruntukan sebanyak RM244 juta. Pada tahun ini, kerajaan juga telah meningkatkan peruntukan Bayaran Sara Hidup sebanyak tiga kali ganda iaitu daripada RM54 juta kepada RM174 juta. Sehingga 15 April 2024, seramai 28,835 veteran telah menerima faedah ini. Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited mempertingkatkan program cakna agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima insentif yang disediakan.

Impak positif berjaya direalisasikan daripada inisiatif Peduli Veteran Madani dalam usaha memperkasakan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM agar terus terbela seajar dengan jasa dan pengorbanan oleh Veteran ATM dalam memelihara keamanan dan keselamatan negara. Justeru, Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi Peduli Veteran Madani melalui siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima insentif yang disediakan.

Program lawatan ini turut diiringi oleh Timbalan Pengarah JHEV ATM, JHEV ATM Cawangan Negeri Sabah, serta wakil persatuan-persatuan Veteran ATM sekitar Sabah. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV ATM, Encik Muhammad Izzat Siraj** ditanian **017-965 3755**.

-TAMAT-

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

**Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 12 Mei 2024**